

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

KAWASAN : SELAYANG

TARIKH : 19.6.2014

NO. SOALAN : 157

YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki daya saing huluan dan hiliran industri keluli dan langkah-langkah anti-lambakan yang diambil.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Industri besi dan keluli merupakan industri yang penting bagi menyokong pembangunan infrastruktur dan sektor perkilangan di dalam negara. Berikutan persaingan hebat oleh produk-produk import sejak beberapa tahun kebelakangan, pada bulan Jun 2012 Majlis Ekonomi (EC) telah memutuskan agar MITI bekerjasama dengan pihak industri untuk memastikan daya saing huluan dan hiliran industri besi dan keluli di Malaysia tidak terjejas.

Di atas konsep ‘tanggungjawab bersama’ MITI telah melaksana pelbagai langkah dan memberi pelbagai insentif bagi tujuan menggalakkan perkembangan daya saing dan produktiviti industri besi dan keluli tempatan. Di antara langkah-langkah utama yang telah diambil adalah:

- i. menubuhkan Majlis Keluli Negara (*MSC*) yang dipengerusikan oleh YB Menteri MITI untuk merancang dan memantau pelaksanaan dasar-dasar bagi meningkatkan daya saing industri besi dan keluli tempatan. *MSC* disokong oleh Jawatankuasa Teknikal (*TC*) dan 5 Kumpulan Kerja yang turut diwakili oleh pihak industri;
- ii. memperkasakan peranan Jawatankuasa Pengecualian Cukai Besi dan Keluli (*JPC*) serta mengadakan Mesyuarat Mingguan Besi Keluli (*MMBK*) yang melibatkan wakil-wakil pihak industri untuk memberikan khidmat nasihat teknikal bagi permohonan pengecualian duti import;
- iii. menubuhkan *Malaysia Steel Institute (MSI)* sebagai *think-tank* untuk membantu Kerajaan dalam merancang pembangunan industri besi dan keluli serta berhubung secara aktif untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak industri. *MSI* telah mula beroperasi mulai bulan Januari 2014; dan
- iv. memperketatkan proses pengimportan bagi produk besi dan keluli dengan:
 - a. mengenakan keperluan *Certificate of Approval* dengan izin mulai 22 Ogos 2013, bagi pengimportan produk besi dan

- keluli bagi memastikan produk yang diimport menepati piawaian yang ditentukan; dan
- b. mengenakan keperluan lesen import bagi *boron-added alloys* dan *boron-added bars and rods*.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, Kerajaan juga telah mengenakan cukai anti lambakan bagi produk-produk import dari negara-negara tertentu bagi memastikan pasaran tempatan tidak dipenuhi oleh produk besi dan keluli import yang bersaing secara tidak adil dengan produk-produk keluaran tempatan. Di antara produk-produk yang terlibat adalah:

- i. *Steel Wire Rods* : dikenakan ke atas negara China, Taiwan, Indonesia dan Korea Selatan selama 5 tahun mulai 20 Februari 2013;
- ii. *Electrolytic Tinplate* : dikenakan ke atas negara China dan Korea Selatan selama 5 tahun mulai 16 November 2013; dan
- iii. *Pre-stressed Concrete Wire Strand* : dikenakan ke atas negara China selama 5 tahun mulai 5 Januari 2014.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak industri bagi memastikan pembangunan industri besi dan keluli tempatan terus berkembang pesat dan teratur. Walau bagaimanapun, dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan, pihak industri perlu peka dengan perkembangan semasa serta merangka

strategi perniagaan yang boleh menjamin daya saing dalam jangka masa panjang. Sebarang langkah yang diambil oleh Kerajaan perlulah adil dan selaras dengan ketetapan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Ini adalah penting untuk menjamin imej Malaysia sebagai sebuah negara perdagangan yang adil serta destinasi pelaburan yang kondusif terus terpelihara.